



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PEMBINAAN SEMULA BANGUNAN DAIF SK TUNKU MAHMOOD 1 MEMANFAATKAN 800 MURID DAN 57 KAKITANGAN MENJELANG APRIL 2025

KLUANG, JOHOR - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya hari ini telah turun padang meninjau kemajuan kerja pembinaan semula bangunan daif di Sekolah Kebangsaan Tunku Mahmood 1, Kluang, Johor.

2. Usaha menyelesaikan isu sekolah daif di seluruh negara ini merupakan salah satu agenda utama Kerajaan Perpaduan yang dicetuskan sendiri oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mahukan tindakan pelaksanaan segera diambil demi menjamin kebajikan rakyat, keselamatan murid dan guru serta meningkatkan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

3. Projek milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini bernilai RM2.093 juta dan agensi pelaksanaannya ialah Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dengan Jurutera Daerah JKR Kluang sebagai Pegawai Penguasanya.

4. Projek ini telah dimulakan pada 8 Januari 2024 dan sehingga 13 Ogos 2024, kemajuan fizikal projek ini telah mencapai 36% iaitu mendahului jadual sebanyak 53 hari atau 17 % awal dari jadual. Pembinaan projek ini dijangka siap sepenuhnya pada April 2025.

5. Antara skop projek ini ialah pembinaan kantin dan rumah sampah yang telah uzur dan daif sebelum ini. Selain kerja-kerja tanah, terdapat juga kerja elektrik dan mekanikal seperti pemasangan paip air sejuk dalaman, paip kumbahan, pengudaraan mekanikal dan sistem pemadaman kebakaran.

6. Projek ini merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan dalam meningkatkan kualiti pendidikan Rakyat Madani seramai 800 orang murid dan 57 orang guru serta kakitangan Sekolah Kebangsaan Tunku Mahmood 1, Kluang, Johor.

7. Kementerian Kerja Raya (KKR) berharap pasukan pengurus projek dan pembinaan dapat mengekalkan momentum penyiapan projek ini dengan menepati mutu yang ditetapkan dari segi kualiti, kos dan masa. KKR sangat menghargai kepercayaan yang diberikan oleh KPM kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia selaku agensi pelaksana untuk menyiapkan infrastruktur pendidikan negara ini.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
26 OGOS 2024